

Kerajaan baru tak akan ubah dasar yang ditetapkan - Dr. Mahathir

UM 22 AGO 1981

ALOR SETAR, 21 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa perubahan kerajaan baru-baru ini bukan merupakan satu perubahan drastik tetapi sebaliknya perubahan dalam cara-cara pelaksanaan dasar-dasar yang telah ditetapkan bagi memastikan ia berjalan dengan lebih lancar dan sempurna.

Perdana Menteri berkata, pentadbiran kerajaan baru yang ada sekarang ini tidak sekali-kali akan mengubah dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan negara di masa lalu kerana ia sudah terbukti membawa kejayaan besar demi kepentingan rakyat.

Berucap di hadapan lebih 30,000 orang rakyat yang membanjiri Stadium Darulaman bagi menyambut ketibaannya di sini pagi ini Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan baru ini juga tetap akan berpegang teguh kepada sistem demokrasi berparti yang telah berjaya membawa kestabilan negara dan kemakmuran rakyat selama ini.

Kerajaan juga akan terus berusaha memperhebatkan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengurangkan jurang perbezaan antara yang berada dan yang kurang berada.

Sebagai sebuah negara berbilang kaum, kerajaan juga akan memperhebatkan lagi dasar-dasar perpaduan bagi menyatu-padukan seluruh rakyat di negara ini. Dalam hubungan ini beliau gembira kerana ia telah menghasilkan kejayaan cemerlang selama ini.

"Kita bangga dan bersyukur kerana hasil-hasil usaha kita itu negara kita aman dan rakyat dapat hidup dengan kesejahteraan. bukanlah seperti setengah negara lain di Asia dan Eropah sendiri yang sehingga sekarang pun masih lagi berlaku rusuhan-rusuhan kaum dan bunuh-membunuh antara kaum," tegas beliau.

Perdana Menteri lalu menyeru seluruh rakyat bersatu teguh di belakang kerajaan untuk memastikan segala rancangan yang ditetapkan dapat dilaksana-

kan dengan jayanya untuk membawa negara ke arah zaman yang lebih progresif dan maju.

Untuk tujuan itu beliau mahukan setiap rakyat mengukuhkan disiplin masing-masing supaya mereka dapat bekerja sama-sama untuk membangunkan negara.

"Saya sungguh kagum melihat upacara sambutan hari ini di mana setiap orang mengetahui tanggungjawab masing-masing dan menunaikan dengan penuh disiplin — hasilnya satu kejayaan cemerlang," kata beliau.

Oleh itu saya yakin jika semangat disiplin seumpama itu secara simbolik dijadikan sebagai suatu amalan hidup dalam masyarakat kita, di mana setiap rakyat menyedari dan menunaikan tanggungjawab masing-masing, maka tidak ada sesuatu yang tidak dapat dicapai dan negara akan terus bergerak maju" tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mungkin ada setengah kalangan berpendapat seruan beliau supaya rakyat mengamalkan sikap disiplin itu akan menjadikan rakyat negara ini seperti robot yang hanya mengikut arahan saja.

"Orang-orang seperti ini memang mahukan kita bergaduh dan berperatig sahaja, itulah sebabnya kita tidak hiraukan hasutan-hasutan mereka itu," uja beliau.

Mengenai kecekapan perkhidmatan negara, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ia bukan bererti terhad kepada pegawai-pegawai kerajaan sahaja, tetapi sepatutnya meliputi seluruh golongan pekerja di kilang-kilang dan syarikat-syarikat swasta.

"Hanya dengan secara inilah kita akan menjadi lebih progresif," katanya.